UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

اونيۏرسيتي ڤنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

# STATUT-STATUT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

(tarikh)
(date)
P.U. (A)

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

## PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

## STATUT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI) 2017

## UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

## CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

## UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (MANAGEMENT COMMITTEE OF THE UNIVERSITY) STATUTE 2017

DISIARKAN
OLEH/*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S*
*CHAMBERS*

# AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

## PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

## STATUT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris [P.U.(A) 452/2010], Canselor membuat Statut berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. Statut ini bolehlah dinamakan **Statut Universiti Pendidikan Sultan Idris (Jawatankuasa Pengurusan Universiti) 2017.**

2. Statut ini hendaklah disifatkan mula berkuat kuasa pada ....................................

**Keahlian Jawatankuasa**

3. (1) Jawatankuasa Pengurusan Universiti hendaklah terdiri daripada:

*(a)* Naib Canselor, yang hendaklah menjadi Pengerusi;

*(b)* semua Timbalan Naib Canselor;

*(c)* Pendaftar;

*(d)* Bursar;

*(e)* Ketua Pustakawan;

*(f)* Penasihat Undang-Undang; dan

*(g)* mana-mana pegawai lain Universiti yang dilantik oleh Naib Canselor.

(2) Jawatankuasa Pengurusan Universiti boleh dikenali dengan apa-apa nama lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

**Fungsi Jawatankuasa**

4. (1) Jawatankuasa hendaklah menasihati Naib Canselor di dalam menjalankan kuasa dan tanggungjawabnya sebagai ketua pegawai eksekutif yang bertanggungjawab bagi keseluruhan fungsi pentadbiran dan pengurusannya selaras dengan apa-apa kuasa yang diberikan kepada Naib Canselor mengikut Perlembagaan atau mana-mana statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), perkara yang boleh dinasihati oleh Jawatankuasa termasuklah—

*(a)* hal-ehwal akademik;

*(b)* pengantarabangsaan;

*(c)* penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan;

*(d)* jaringan industri dan masyarakat;

*(e)* hal-ehwal pelajar dan alumni;

*(f)* pengurusan dan pembangunan sumber manusia;

*(g)* kewangan;

*(h)* pembangunan dan pengurusan aset;

*(i)* perundangan;

*(j)* perpustakaan;

*(k)* teknologi maklumat dan komunikasi; dan

*(l)* perancangan aktiviti-aktiviti Universiti menepati pelan strategik, visi dan misi Universiti.

**Mesyuarat Jawatankuasa**

5. (1) Jawatankuasa hendaklah mengadakan mesyuarat pada tarikh, tempat dan masa yang ditetapkan oleh Pengerusi dan mesyuarat hendaklah dipanggil oleh Setiausaha Jawatankuasa.

(2) Agenda mesyuarat Jawatankuasa hendaklah ditentukan oleh Pengerusi.

(3) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali pada setiap bulan.

(4) Kourum mesyuarat adalah Pengerusi dan empat ahli.

(5) Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang dari dalam atau luar Universiti yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang bersesuaian, untuk menghadiri mesyuarat atau pertimbangtelitian bagi maksud menasihati Jawatankuasa tentang apa-apa perkara dalam bidang kuasa Jawatankuasa yang sedang dibincangkan, tetapi orang itu tidaklah berhak untuk mengundi pada mesyuarat atau pertimbangtelian itu.

(6) Jawatankuasa boleh menentukan tatacara mesyuaratnya sendiri.

**Setiausaha Jawatankuasa**

6. Pengerusi hendaklah melantik seorang Setiausaha daripada kalangan pegawai Universiti.

**Notis mesyuarat**

7. Notis bagi sesuatu mesyuarat Jawatankuasa hendaklah disampaikan secara bertulis atau secara elektronik oleh Setiausaha kepada ahli-ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya tiga hari sebelum mesyuarat diadakan.

**Agenda mesyuarat**

8. (1) Agenda bagi sesuatu mesyuarat biasa serta kertas-kertas yang berkaitan hendaklah disampaikan kepada ahli-ahli Jawatankuasa selewat-lewatnya satu hari sebelum tarikh yang ditetapkan bagi mesyuarat itu.

(2) Seseorang ahli Jawatankuasa yang hendak memasukkan sesuatu perkara dalam agenda mesyuarat biasa hendaklah memberitahu Setiausaha Jawatankuasa selewat-lewatnya dua hari sebelum mesyuarat diadakan.

(3) Agenda bagi sesuatu mesyuarat khas hendaklah disampaikan kepada ahli-ahli Jawatankuasa bersama-sama dengan notis mesyuarat itu.

**Minit mesyuarat**

9. (1) Jawatankuasa hendaklah menyebabkan minit mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan oleh Setiausaha Jawatankuasa, dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Minit mesyuarat hendaklah diedarkan kepada ahli-ahli Jawatankuasa dalam masa tiga hari selepas mesyuarat itu diadakan.

(3) Cadangan-cadangan bagi pembetulan sesuatu minit hendaklah dibuat dalam mesyuarat yang berikutnya.

(4) Minit-minit bagi sesuatu mesyuarat hendaklah disahkan dalam mesyuarat yang berikutnya.

(5) Minit-minit mesyuarat yang disahkan hendaklah disifatkan sebagai rekod yang lengkap mengenai ketetapan-ketetapan yang dibuat oleh Jawatankuasa dan tindakan-tindakan susulan mematuhi ketetapan-ketetapan tersebut hendaklah diambil oleh pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan.

(6) Minit mesyuarat Jawatankuasa hendaklah disimpan oleh Setiausaha.

(7) Minit yang dibuat mengenai mesyuarat Jawatankuasa hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(8) Tiap-tiap mesyuarat Jawatankuasa berkenaan dengan prosiding yang mengenainya minit telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua ahli pada mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

**Hilang kelayakan**

10. Ahli Jawatankuasa yang berikut hilang kelayakan untuk dilantik sebagai atau untuk menjadi ahli Jawatankuasa:

*(a)* jika telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—

(i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

(ii) kesalahan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan rasuah;

(iii) kesalahan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971; atau

(iv) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang melebihi dua tahun;

(*b*) jika dia menjadi bankrap; atau

(*c*) jika dia didapati atau ditetapkan tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menguruskan hal ehwalnya.

**Terhenti menjadi ahli**

11. Seseorang ahli hendaklah terhenti menjadi ahli—

(*a*) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi; atau

(*b*) jika perlantikannya dibatalkan atau dia meletakkan jawatan; atau

(*c*) jika dia hilang kelayakan di bawah seksyen 10.

**Peletakan jawatan**

12. Seseorang ahli boleh meletakkan jawatan dengan memberikan suatu notis satu bulan secara bertulis kepada Pengerusi.

**Pengisian Kekosongan**

13. Jika mana-mana orang terhenti menjadi ahli jawatankuasa oleh sebab peruntukan Perlembagaan, seorang lain boleh dilantik untuk mengisi kekosongan itu bagi tempoh selebihnya yang baginya ahli itu dilantik.

**Pendedahan kepentingan**

14. (1) Seseorang anggota Jawatankuasa yang, secara langsung atau secara tidak langsung, mempunyai sendiri atau melalui pekongsinya—

(*a*) sesuatu kepentingan dalam syarikat atau pengusahaan yang dengannya Jawatankuasa itu bercadang hendak membuat sesuatu kontrak; atau

*(b)* sesuatu kepentingan dalam kontrak atau perkara yang sedang dibincangkan oleh Jawatankuasa;

hendaklah mendedahkan hakikat dan jenis kepentingannya itu kepada Jawatankuasa.

(2) Sesuatu pendedahan di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit Jawatankuasa dan, melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, ahli itu tidak boleh mengambil bahagian dalam pertimbangtelitian atau keputusan Jawatankuasa yang berhubungan dengan kontrak atau perkara itu.

**Keesahan perbuatan dan prosiding**

15. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Statut ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

*(a)* ada kekosongan dalam keahlian, atau ada kecacatan dalam penubuhan Jawatankuasa;

*(b)* ada pelanggaran seksyen 14 oleh seseorang ahli Jawatankuasa; atau

*(c)* ada peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit perkara itu.

**Keesahan perbuatan dan peninggalan Jawatankuasa Pengurusan Universiti yang menjalankan fungsi berkenaan sebelum kuat kuasa Statut**

16. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti yang menjalankan fungsi yang berkenaan sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 2017

[KPT(PUU)S.......; PN(PU$^2$).......]

*TUANKU ZARA SALIM*

*Canselor*

Universiti Pendidikan Sultan Idris

## UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

## CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (MANAGEMENT COMMITTEE OF THE UNIVERSITY) STATUTE 2017

IN exercise of the powers conferred by subsection 35(1) of the Constitution of the Universiti Pendidikan Sultan Idris [P.U.(A) 452/2010], the Chancellor makes the following Statute:

### Citation and commencement

1. This Statute may be cited as the **Universiti Pendidikan Sultan Idris (Management Committee of the University) Statute 2017**.

2. This Statute shall be deemed to come into operation on ..........................

### Membership of the Committee

3. (1) The Management Committee of the University shall consist of:

*(a)* Vice-Chancellor, who shall be the Chairman;

*(b)* all Deputy Vice-Chancellors;

*(c)* Registrar;

*(d)* Bursar;

*(e)* Chief Librarian;

*(f)* Legal Adviser; and

*(g)* Other officers of the University appointed by the Vice-Chancellor.

(2) The Management Committee of the University may be known by such other name as may be determined by the Board.

**Functions of the Committee**

4. (1) The Committee shall advise the Vice-Chancellor, in his exercise of power and responsibility as chief executive officer who shall be responsible for the overall administrative and management functions and the day-to-day affairs of the University in accordance with the powers conferred upon him by Constitution or any other statute, rules and regulations.

(2) For the purpose of subsection (1), the matters advisable by the Committee including—

*(a)* academic affairs;

*(b)* internationalisation;

*(c)* research, development and commercialisation;

*(d)* industrial and community relation affairs;

*(e)* student and alumni affairs;

*(f)* management and development of human resource;

*(g)* financial;

*(h)* development and assets management;

*(i)* legal;

*(j)* library,

*(k)* information and communication technology;

*(l)* planning activities to meet the University's strategic plan.

**Meetings of the Committee**

5. (1) The Committee shall convene its meetings on the date, place and time as determined by the Chairman and shall be convened by the Secretary.

(2) The agenda of the meeting shall be determined by the Chairman.

(3) The Committee shall meet at least once a month.

(4) The quorum of the meeting is the Chairman and four other members.

(5) The Committee may invite any person, from within or outside the University who possesses the relevant expertise and experience to attend the meeting or deliberation of the Committee for the purpose of giving his views to the Committee on any matter under discussion, but that person shall not be entitled to vote at the meetingor deliberation.

(6) The Committee may make its own meeting procedure.

**Secretary of the Committee**

6. The Chairman shall appoint a Secretary from amongst the officers of the University.

**Notice of meetings**

7. Notice for any meeting of the Committee shall be served in writing or through electronic means by the Secretary to the members of the Committee at least three days before a meeting is convened.

**Agenda of meetings**

8. (1) The agenda for a regular meeting and related papers shall be submitted to the Committee members at least one day prior to the date of the meeting.

(2) A Committee member who intends to bring any matters on the agenda of a regular meeting shall notify the Secretary no later than two days prior to the meeting.

(3) The agenda for a special meeting shall be submitted to the Committee members together with the notice of such meeting.

**Minutes of meetings**

9. (1) The Committee shall cause minutes of all its meetings to be maintained and kept by the secretary, in a proper form.

(2) Minutes of meetings shall be distributed to Committee members within three days after a meeting is convened.

(3) Proposals for amendments for minutes shall be made in the next meeting.

(4) Minutes shall be approved in the next meeting.

(5) Approved minutes shall be deemed to be complete records of decisions made by the Committee and actions pursuant to the decisions shall be taken by responsible parties.

(6) The minutes of meetings of the Committee shall be kept by the Secretary.

(7) Minutes made of the Committee meetings shall, if duly signed, be admissible in evidence in all legal proceedings without further proof.

(8) Every Committee meeting in respect of the proceedings of which minutes have been so made shall be deemed to have been duly convened and held and all members thereat to have been duly qualified to act.

**Disqualification**

10. The following Committee member shall be disqualified from being appointed or being a member of the Committee:

*(a)* there has been proved against him, or he has been convicted on a charge in respect of—

(i) an offence involving fraud, dishonesty or moral turpitude;

(ii) an offence under a law relating to corruption;

(iii) an offence under the University and University Colleges Act 1971; or

(iv) any other offence punishble with imprisonment for more than two years;

*(b)* if he becomes a bankrupt; or

*(c)* if he has found or declared to be of unsound mind or has otherwise become incapable of managing his affairs.

**Cessation from being a member**

11. A member shall cease to be a member—

(a) if he fails to attend three consecutive Committee meetings without leave of the Chairman;

(b) if his appointment is revoked or he resigns; or

(c) if he is disqualified under section 10.

**Resignation**

12. A member may resign by giving one month's notice in writing to the chairman.

**Filling of Vacancies**

13. Where any person ceases to be a member of a committee by reason of the provisions of the Constitution, another person maybe appointed to fill the vacancy for the remainder of the term for which the member was appointed.

**Disclosure of interest**

14. (1) A Committee member having, directly or indirectly, by himself or is partner—

*(a)* an interest in a company or undertaking with which Committee proposes to make a contract; or

*(b)* an interest in a contract or matter under discussion by Committee;

shall disclose his interest and its nature to the Committee.

(2) A disclosure under subsection (1) shall be recorded in the minutes of the Authority and, unless specifically authorized by the chairman, such member shall take no part in the deliberation or decision of the Authority relating to the contract or matter.

**Validity of acts and proceedings**

15. No act done or proceeding taken under this Statute shall be questioned on the ground of—

(a) a vacancy in the membership of, or a defect in the constitution of, the Authority;

(b) a contravention by a Committee member of subsection 14; or

(c) an omission, a defect or an irregularity not affecting the merit of the case.

**Validity of acts or omissions performed by the Management Committee of the University before the Statute comes into effect**

16. No acts or omissions by the Committee antecedent the coming into force of this Statute shall have an effect to invalidate the same.

Made .................................. 2017

[KPT(PUU)...;PN(PU$^2$).........]

***TUANKU ZARA SALIM***

*Chancellor*

Universiti Pendidikan Sultan Idris

(tarikh)
(date)
P.U. (A)

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENTGAZETTE*

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

STATUT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
(NAIB CANSELOR) 2017

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
(VICE CHANCELLOR)
STATUTE 2017

DISIARKAN
OLEH/*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S*
*CHAMBERS*

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**

**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**STATUT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (NAIB CANSELOR) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris [P.U.(A) 452/2010], Canselor membuat Statut berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. Statut ini bolehlah dinamakan **Statut Universiti Pendidikan Sultan Idris (Naib Canselor) 2017.**

2. Statut ini hendaklah disifatkan mula berkuat kuasa pada ......................................

**Kuasa dan kewajipan Naib Canselor**

3. (1) Seorang Naib Canselor hendaklah dilantik oleh Menteri atas nasihat jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 4A Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan selepas berunding dengan Lembaga.

(2) Naib Canselor yang dilantik hendaklah berkhidmat sepenuh masa sebagai Pegawai Universiti mengikut subseksyen 12 Perlembagaan Universiti.

(3) Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan lain yang terdapat dalam Perlembagaan, statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan, kuasa dan kewajipan Naib Canselor yang dilantik, termasuklah perkara yang berikut:

*(a)* menjadi ketua pegawai eksekutif Universiti;

(b) menjadi penggerak utama dalam perencanaan pelan strategik dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk merealisasikan pelan strategik selaras dengan visi dan misi Universiti;

(c) mengeluarkan arahan pentadbiran dari semasa ke semasa atas segala urusan mengenai pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan, perkhidmatan, pembangunan, kewangan, pengurusan aset, pentadbiran, kebajikan dan tatatertib di Universiti;

(d) dengan persetujuan Lembaga, menandatangani dan menyempurnakan bagi pihak Universiti apa-apa dokumen atau suratcara yang lain jika disempurnakan oleh seseorang yang bukannya suatu pertubuhan perbadanan tidak dikehendaki dimeteraikan;

(e) melantik seorang Dekan bagi setiap Fakulti dan sekurang-kurangnya seorang Timbalan Dekan selepas berunding dengan kakitangan akademik setiap Fakulti dan memaklumkan kepada Lembaga mengenai pelantikan itu;

(f) melantik ketua sesuatu Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut selepas berunding dengan kakitangan akademik setiap Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut itu;

(g) membuat pertimbangan terhadap anggaran pendapatan dan perbelanjaan Universiti bagi setiap tahun kewangan yang telah disediakan oleh mana-mana pegawai Universiti;

(h) memberi arahan dan mengenakan kawalan kepada ketua Kampus Cawangan;

(i) menentukan bilangan perwakilan bagi Kawasan Fakulti dan Kawasan Umum yang akan dipertandingkan dalam pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP);

(j) tertakluk kepada Peraturan Kewangan Universiti dan apa-apa peraturan yang berkuat kuasa, memasuki apa-apa perjanjian atau surat cara yang berkaitan dengan perolehan dan perkara berkaitan kewangan Universiti;

(k) menjadi pihak berkuasa tatatertib pelajar Universiti;

(l) menjadi Pengerusi Senat, Jawatankuasa Pengurusan Universiti, Jawatankuasa Kebajikan Pelajar dan Jawatankuasa Pemilih bagi pelantikan kursi, pelantikan atau kenaikan pangkat profesor, profesor kanan, Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang;

(m) menjadi ahli Lembaga Pengarah Universiti;

(n) menjadi Pengerusi Konvokesyen jika Canselor atau Pro-Canselor tidak hadir;

(o) mewakili Universiti dalam semua hubungan dengan institusi pengajian tinggi, badan-badan ikhtisas, badan-badan penyelidikan dan badan-badan lain di peringkat nasional dan antarabangsa untuk meningkatkan kecemerlangan kesarjanaan;

(p) bertindak di bawah kuasa dan arahan am Lembaga;

(q) mengko-opt tidak lebih daripada lima orang untuk menjadi ahli Senat Universiti selama tiga tahun;

(r) menyimpan dalam jagaannya cap meterai Universiti;

(s) menyaksikan penurunan cap meterai pada suratcara dan menandatangani suratcara itu;

(t) memastikan semua pihak berkuasa dan pegawai Universiti menjalankan kuasa dan tugas sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan, statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan Universiti;

(u) melakukan segala perkara yang suaimanfaat atau perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan tugasnya; dan

(v) menjalankan apa-apa kuasa dan kewajipan lain sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Menteri, Lembaga atau Senat.

**Kuasa budi bicara**

4. (1) Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan lain yang terdapat dalam Perlembagaan, statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan, Naib Canselor boleh—

(a) menjadi Komandan Kehormat Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES), Kor Sukarelawan Polis Siswa (KOR SUKSIS), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) atau mana-mana pasukan beruniform Universiti;

(b) dari semasa ke semasa, mewakilkan mana-mana kuasa atau kewajipannya kepada mana-mana Timbalan Naib Canselor atau mana-mana pegawai lain Universiti;

(c) membatalkan pelantikan Dekan atau Timbalan Dekan Fakulti, atau ketua sesuatu Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut atau mana-mana orang yang diberi tanggungjawab untuk menjalankan kewajipan sebagai Dekan atau Timbalan Dekan Fakulti atau ketua

sesuatu Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut pada bila-bila masa dalam tempoh pelantikan itu;

*(d)* membenarkan pertambahan jawatan dalam MPP selain daripada jawatan Yang di-Pertua, Naib Yang di-Pertua, Setiausaha dan Bendahari;

*(e)* memberi kelulusan kepada MPP untuk membentuk jawatankuasa *ad hoc* dari kalangan ahli MPP bagi maksud atau tujuan tertentu;

*(f)* melanjutkan tempoh pelantikan MPP sedia ada atau melantik mana-mana pelajar lain yang difikirkan sesuai untuk menjalankan tugas sementara (*caretaker)* sehingga MPP baharu dilantik.

*(g)* memberi kelulusan kepada seseorang pelajar yang keputusan prosiding tatatertib terhadapnya masih ditunggu, atau yang telah didapati bersalah atas suatu kesalahan tatatertib untuk bertanding atau terus menjadi ahli MPP atau memegang jawatan bagi mana-mana badan atau jawatankuasa pelajar;

*(h)* memberi arahan kepada MPP dalam urusan penyusunan dan penyeliaan kemudahan kebajikan pelajar di Universiti termasuk kemudahan rekreasi, aktiviti kerohanian dan keagamaan, dan pembekalan makanan dan minuman;

*(i)* menerima, menimbang dan mengambil tindakan yang sewajarnya dalam hal ehwal kebajikan pelajar yang dikemukakan oleh MPP;

*(j)* membenarkan mana-mana pelajar atau pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar memungut atau menganjurkan pemungutan wang atau harta lain tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat;

(k) menggantung pelajar yang dituduh atas kesalahan boleh daftar daripada menjadi seorang pelajar;

(l) menggantung atau membubarkan pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti yang menjalankan urusannya yang pada pendapat Naib Canselor boleh merosakkan atau mendatangkan mudarat kepada kepentingan dan kesentosaan Universiti atau pelajar atau pekerja Universiti atau kepada ketenteraman atau keselamatan awam atau yang melanggar mana-mana undang-undang bertulis; pertubuhan, badan atau kumpulan itu hendaklah diberi suatu peluang untuk membuat representasi bertulis sebelum penggantungan atau pembubaran pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti itu; dan

(m) meluluskan dan menentukan apa-apa terma dan syarat berhubung penubuhan badan pelajar lain yang keanggotaannya tidak kurang daripada sepuluh orang pelajar.

**Kesahan perbuatan atau peninggalan Naib Canselor yang menjalankan kewajipan berkenaan sebelum kuat kuasa Statut**

5. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Naib Canselor yang menjalankan kewajipan yang berkenaan sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 2017

[KPT(PUU)S.......; PN(PU$^2$).......]

***TUANKU ZARA SALIM***

*Canselor*

Universiti Pendidikan Sultan Idris

**UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971**

**THE CONSTITUTION OF THE**
**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS STATUTE**
**(VICE-CHANCELLOR) STATUTE 2017**

IN exercise of the powers conferred by section 35(1) of the Constitution of the Universiti Pendidikan Sultan Idris [P.U.(A) 452/2010]], the Chancellor makes the following Statute:

**Citation and commencement**

1. This Statute may be cited as the **Universiti Pendidikan Sultan Idris (Vice-Chancellor) Statute 2017**.

2. This Statute shall be deemed to come into operation on ..........................

**Powers and duties of the Vice-Chancellor**

3. (1) A Vice-Chancellor shall be appointed by the Minister on the advice of the committee appointed under section 4A of Universities and University Colleges Act 1971 and after consultation with the Board.

(2) The appointed Vice-Chancellor shall serve as a full time Officer of the University in accordance with subsection 12 of the Constitution.

(3) Without prejudice to any other provision in the Constitution, Statutes, Rules or Regulations, the powers and duties of the Vice-Chancellor include the followings-

*(a)* to be the chief executive officer of the University;

(b) to be the prime mover in the accomplishment of the strategic planning and to take necessary steps or to direct the necessary steps to be taken in the realization of the strategic planning in accordance with the vision and mission of the University;

(c) to issue administrative instructions from time to time in connection with all arrangements relating to teaching, learning, research, consultation, services, development, financial, asset management, administration, welfare and discipline in the University;

(d) may, with the consent of the Board, sign and execute for and on behalf of the University, any document or instrument which, if executed by a person not being a body corporate, will not required to be under seal;

(e) to appoint a Dean in respect of each Faculty and at least one Deputy Dean after consultation with the academic staff and notify the Board of such appointment;

(f) to appoint head of Schools, Centres, Academies and Institutes after consultation with the academic staff of that Schools, Centres, Academies and Institutes;

(g) to consider the estimates of income and expenditure of the University for each financial year as prepared by any officer of the University;

(h) to give direction and to exercise control over any head of Branch Campus;

(i) to determine the number of representatives for the Faculty constituency and the General constituency to be contested in the election of the Students' Representative Council (SRC);

(j) subject to Financial Regulations of the University and any regulations in force, enter into any agreement or instrument relating to financial of the University;

(k) to be the student disciplinary authority of the University;

(l) to be the Chairman of the Senate, Management Committee of the University, Student Welfare Committee and Selection Committee for appointment to a chair, appointment or promotion of senior professor, professor, Registrar, Bursar, Chief Librarian and Legal Adviser;

(m) to be a member of the Board;

(n) to preside over a Convocation in the absence of the Chancellor or the Pro-Chancellor;

(o) to represent the University in fostering linkages with other higher educational institutions, professional and research bodies and all national and international bodies for the advancement of excellence in scholarly works of the University;

(p) to act under the general authority and direction of the Board;

(q) to co-opt not more than five persons from the University to be member of Senate for a term of three years;

(r) to keep in his custody the common seal of the University;

(s) to attest the affixing of the common seal of the University on any instruments and execute such instruments;

(t) to ensure all the authorities and officers of the University exercise their powers and duties in accordance with the Constitution, statutes, rules and regulations of the University;

(u) to do all things necessary and expedient for or incidental in the execution of his powers and duties; and

(v) to perform any other powers and duties as instructed from time to time by the Minister, Board or Senate.

**Discretionary powers**

4. (1) Without prejudice to any other provisions in the Constitution, statutes, rules or regulations, the Vice-Chancellor may—

(a) be the Honorary Commandant of Reserved Officer Training Unit (ROTU), Police Undergraduate Voluntary Corps (KOR SUKSIS), The Malaysia Civil Defence Force (APM) or any other uniform group;

(b) from time to time, delegates its powers or duties to any Deputy Vice-Chancellor or any other officer of the University;

(c) revoke the appointment of Dean or Deputy Dean of the Faculty, or head of Schools, Centres, Academies and Institutes or head or any person given the responsibility to perform duties as Dean or Deputy Dean of the Faculty, or head of Schools, Centres, Academies and Institutes at any time during such appointment;

(d) allow additional office-bearers in the SRC other than the President, the Vice President, the Secretary and the Treasurer;

(e) give approval to SRC to form *ad-hoc* committee among its member for specific objects or purposes;

(f) to extend the period of appointment of existing SRC or to appoint any other students deemed suitable to act as the caretaker until the new SRC is appointed.

(g) authorise a student against whom disciplinary proceedings are pending, or who has been found guilty of a disciplinary offence to contest or remain as a member of SRC or remain an office-bearer of any body or committee of student;

(h) give direction to SRC in matters relating to arrangement and supervision of student welfare facilities in the University including recreational facilities, spiritual and religious activities and the supply of meals and refreshments;

(i) accept, consider and take necessary actions in matters relating to student welfare as represented by the SRC;

(j) permit the student or organization, body or group of students to collect or promote collection of money or property subject to any term and condition;

(k) suspend a student charged with a registrable offence from being the student of the University;

(l) suspend or dissolve any organization, body or group of student of the University who conduct itself in a manner which the Vice-Chancellor considers detrimental or prejudicial to the interests or well-being of the University, or students or employee of the University or to public order or safety or security or violate any written law; such organization, body or group shall be given an

opportunity to make a written representation before that organization, body or group of student is suspended or dissolved; and

*(m)* approve and determine any terms and conditions for the establishment of other student bodies consisting of not less than ten students.

**Validity of acts or omissions performed by Vice-Chancellor before the Statute comes into effect**

5. No acts or omissions by the Vice-Chancellor antecedent the coming into force of this Statute shall have an effect to invalidate the same.

Made .................................. 2017
[KPT(PUU)...;PN(PU$^2$)........

***TUANKU ZARA SALIM***
*Chancellor*
Universiti Pendidikan Sultan Idris

(tarikh)
(date)
P.U. (A)

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

## PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

## STATUT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (TIMBALAN NAIB CANSELOR) 2017

## UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

## CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

## UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (DEPUTY VICE CHANCELLOR) STATUTE 2017

DISIARKAN
OLEH/*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**

**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**STATUT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (TIMBALAN NAIB CANSELOR) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris [P.U.(A) 452/2010], Canselor membuat Statut berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. Statut ini bolehlah dinamakan **Statut Universiti Pendidikan Sultan Idris (Timbalan Naib Canselor) 2017.**

2. Statut ini hendaklah disifatkan mula berkuat kuasa pada ......................................

**Kuasa dan kewajipan Timbalan Naib Canselor**

3. (1) Hendaklah ada sekurang-kurangnya seorang Timbalan Naib Canselor yang dilantik oleh Menteri atas nasihat jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 4A Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan selepas berunding dengan Naib Canselor.

(2) Tanpa menjejaskan peruntukan-peruntukan lain yang terdapat dalam Perlembagaan, statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan, kuasa dan kewajipan Timbalan Naib Canselor hendaklah termasuk hal ehwal akademik dan antarabangsa, penyelidikan dan inovasi, pembangunan, pengurusan pelajar dan alumni Universiti, jaringan industri dan masyarakat dan perkara-perkara lain seperti berikut:

(a) membantu Naib Canselor dalam perencanaan pelan strategik dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk merealisasikan pelan strategik selaras dengan visi dan misi Universiti;

(b) membantu Naib Canselor dalam mewakili Universiti dalam semua hubungan dengan institusi pengajian tinggi dan badan-badan lain di peringkat nasional dan antarabangsa;

(c) menjadi ahli semua Pihak Berkuasa Universiti kecuali diperuntukkan sebaliknya;

(d) menjadi ahli *ex-officio* Lembaga tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Lembaga;

(e) menjadi ahli Senat dan ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti;

(f) mempengerusikan Jawatankuasa Pemilih bagi tujuan pelantikan dan kenaikan pangkat ke jawatan guru selain daripada profesor kanan, profesor, Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang;

(g) bertanggungjawab kepada Naib Canselor dalam hal-ehwal penyelidikan dan inovasi serta pengurusannya, menjadi *custodian* kepada harta intelek dan mengambil langkah tertentu bagi memelihara kepentingan Universiti;

(h) bertanggungjawab kepada Naib Canselor dalam hal ehwal pelajar termasuk pembangunan sahsiah, kebajikan, tatatertib dan segala perkara yang berkaitan dengannya serta hal ehwal alumni Universiti; dan

(i) menjalankan apa-apa kuasa dan kewajipan lain sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Naib Canselor.

**Kesahan perbuatan atau peninggalan Timbalan Naib Canselor yang menjalankan kewajipan berkenaan sebelum kuat kuasa Statut**

4. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Timbalan Naib Canselor yang menjalankan kewajipan yang berkenaan sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 2017

[KPT(PUU)S.......; PN(PU²).......]

***TUANKU ZARA SALIM***

*Canselor*

Universiti Pendidikan Sultan Idris

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

THE CONSTITUTION OF THE
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS STATUTE
(DEPUTY VICE-CHANCELLOR) STATUTE 2017

IN exercise of the powers conferred by section 35(1) of the Constitution of the Universiti Pendidikan Sultan Idris [P.U.(A) 452/2010]], the Chancellor makes the following Statute:

**Citation and commencement**

1. This Statute may be cited as the **Universiti Pendidikan Sultan Idris (Deputy Vice-Chancellor) Statute 2017.**

2. This Statute shall be deemed to come into operation on ........................

**Powers and duties of the Deputy Vice-Chancellor**

3. (1) There shall be at least one Deputy Vice-Chancellor who shall be appointed by the Minister on the advice of the committee appointed under section 4A of Universities and University Colleges Act 1971 and after consultation with the Vice-Chancellor.

(2) Without prejudice to any other provision in the Constitution, statutes, rules or regulations, the powers and duties of the Deputy Vice-Chancellor shall include academic and international affairs, research and innovations, development, management of students and alumni of the University, industrial and community linkages and any other matters as follows:-

*(a)* to assist the Vice-Chancellor in the accomplishment of the strategic planning and to take necessary steps in the realization of the

strategic planning in accordance with the vision and mission of the University;

(b) to assist the Vice-Chancellor in representing the University in fostering linkages with other higher educational institutions and all national and international bodies;

(c) to be a member of all University Authorities except provided otherwise;

(d) to be *ex-officio* member of the Board but shall not be entitled to vote in the meeting of the Board;

(e) to be a member of Senate and Management Committee of the University;

(f) to preside the Selection Committee for appointment and promotion to the post of teacher except the post of senior professor, professor, Registrar, Bursar, Chief Librarian and Legal Adviser;

(g) responsible to the Vice-Chancellor in matters relating to research and innovation affairs and its management, be custodian to the intellectual property and to take certain steps to safeguard the interest of the University;

(h) responsible to the Vice-Chancellor in matters relating to student affairs including the development of personality, welfare, discipline and all matters relating thereto and affairs of the alumni of the University; and

(i) to perform any other powers and duties as instructed from time to time by the Vice Chancellor.

**Validity of acts or omissions performed by Deputy Vice Chancellor before the Statute comes into effect**

4. No acts or omissions by the Deputy Vice Chancellor antecedent the coming into force of this Statute shall have an effect to invalidate the same.

Made .................................... 2017

[KPT(PUU)...;PN(PU$^2$)........

*TUANKU ZARA SALIM*

*Chancellor*

Universiti Pendidikan Sultan Idris

(tarikh)
(date)
P.U. (A)

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

STATUT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (PENDAFTAR) 2017

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (REGISTRAR) STATUTE 2017

DISIARKAN
OLEH/*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**

**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**STATUT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (PENDAFTAR) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris [P.U.(A) 452/2010], Canselor membuat Statut berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. Statut ini bolehlah dinamakan **Statut Universiti Pendidikan Sultan Idris (Pendaftar) 2017.**

belum Gazet

2. Statut ini hendaklah disifatkan mula berkuat kuasa pada ......................................

**Pelantikan**

3. (1) Seorang Pendaftar hendaklah berkhidmat sebagai pegawai sepenuh masa Universiti dan mempunyai kuasa dan kewajipan sebagaimana yang ditetapkan oleh statut ini.

(2) Jawatan Pendaftar boleh dikenali dengan apa-apa nama lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Pendaftar hendaklah dilantik oleh Lembaga mengikut nasihat Jawatankuasa Pemilih.

(4) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan, syarat pelantikan Pendaftar hendaklah ditentukan oleh Lembaga.

(5) Seseorang yang dilantik sebagai Pendaftar hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan,

memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan apabila tempoh itu habis, Pendaftar itu adalah layak untuk dilantik semula.

(6) Pelantikan Pendaftar boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Lembaga dengan menyatakan sebab bagi pembatalan itu.

**Kuasa dan kewajipan Pendaftar**

4. (1) Tertakluk kepada Perlembagaan, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan, kuasa dan kewajipan Pendaftar adalah—

*(a)* menjadi setiausaha bagi semua Pihak Berkuasa Universiti melainkan diperuntukkan sebaliknya;

*(b)* dengan keizinan Lembaga, menyempurnakan apa-apa surat cara atau dokumen yang berkaitan skim perkhidmatan pekerja Universiti dan sumber manusia secara amnya;

*(c)* menjadi ahli *ex-officio* Lembaga Pengarah Universiti dan Senat;

*(d)* bertanggungjawab mengurus hal berkaitan sumber manusia, keselamatan dan pentadbiran am Universiti;

*(e)* bertanggungjawab mengurus hal ehwal akademik Universiti;

*(f)* bertanggungjawab mengurus hal ehwal pelajar Universiti;

*(g)* menjadi ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan mana-mana jawatankuasa lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan, statut, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan;

*(h)* bertanggungjawab sebagai custodian rekod dan dokumen Universiti seperti yang ditentukan oleh Naib Canselor;

(i) mengurus hal-hal berkaitan pelantikan, tugas dan tanggungjawab, saraan, tatatertib dan syarat-syarat perkhidmatan pekerja Universiti;

(j) membantu Naib Canselor dalam merancang pelan strategik dan mengambil langkah-langkah yang perlu atau mengarahkan diambil langkah-langkah yang perlu untuk merealisasikan pelan strategik sesuai dengan visi dan misi Universiti;

(k) tertakluk kepada Peraturan Kewangan Universiti dan apa-apa peraturan yang berkuat kuasa, memasuki apa-apa perjanjian atau surat cara yang berkaitan dengan perolehan dan perkara berkaitan kewangan Universiti;

(l) melaksanakan apa-apa kuasa atau kewajipan lain sebagaimana yang diperlukan dalam menjalankan dengan sewajarnya kuasa atau kewajipan itu di bawah Perlembagaan, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan; dan

(m) menjalankan apa-apa kuasa dan kewajipan lain sebagaimana yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh Naib Canselor.

**Mewakilkan kuasa dan kewajipan**

5. (1) Tertakluk kepada Perlembagaan, Pendaftar boleh mewakilkan mana-mana kuasa atau kewajipannya kepada mana-mana pegawai Universiti melalui suratcara bertulis.

(2) Semasa ketiadaan Pendaftar atas apa-apa alasan, Naib Canselor boleh mewakilkan kepada mana-mana pegawai untuk menjalankan kesemua atau mana-mana kuasa dan kewajipan Pendaftar.

**Kesahan perbuatan atau peninggalan Pendaftar yang menjalankan kewajipan berkenaan sebelum kuat kuasa Statut**

6. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Pendaftar yang menjalankan kewajipan yang berkenaan sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 2017
[KPT(PUU)S.......; PN(PU$^2$).......]

***TUANKU ZARA SALIM***

*Canselor*
Universiti Pendidikan Sultan Idris

## UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

## THE CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

## UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS STATUTE (REGISTRAR) STATUTE 2017

IN exercise of the powers conferred by section 35(1) of the Constitution of the Universiti Pendidikan Sultan Idris [P.U.(A) 452/2010]], the Chancellor makes the following Statute:

**Citation and commencement**

1. This Statute may be cited as the **Universiti Pendidikan Sultan Idris (Registrar) Statute 2017.**

2. This Statute shall be deemed to come into operation on ..........................

**Appointment**

3. (1) There shall be a Registrar who shall be a full time officer of the University and shall have such powers and duties as may be prescribed by this statute.

(2) The post of the Registrar may be known by such other names as may be determined by the Board.

(3) The Registrar shall be appointed by the Board on the advice of the Selection Committees.

(4) Subject to the provisions of the Constitution, the conditions of appointment of the Registrar shall be determined by the Board.

(5) A person appointed as the Registrar shall, unless he resigns or vacates his office or his appointment is revoked, hold office for a period of not more than three years and upon expiry of such period, the Registrar shall be eligible for reappointment.

(6) The appointment of the Registrar may, at any time, be revoked by the Board stating the reason for such revocation.

**Powers and duties of Registrar**

4. (1) Subject to the Constitution, Statutes, rules and regulations, the powers and duties of the Registrar are—

*(a)* to be the Secretary for all the Authorities of the University unless provided otherwise;

*(b)* with the consent of the Board, to execute any instrument or document relating to the scheme of service employees of the University and human resources in General;

*(c)* to be ex-officio members of the Board of Directors and the Senate;

*(d)* is responsible for managing matters pertaining to human resources, security and General Administration of the University;

*(e)* is responsible for managing University Academic Affairs;

*(f)* is responsible for managing the Affairs of the students of the University;

*(g)* a member of the Management Committee of the University and any other committees as may be prescribed by the Constitution, statutes, rules or regulations;

(h) is responsible as custodian of the records and documents of the University as determined by the Vice-Chancellor;

(i) to manage matters relating to appointment, duties and responsibilities, remuneration, discipline and conditions of service of the employees of the University;

(j) assist the Vice-Chancellor in planning strategic plan and taking such steps as are necessary or cause to be taken such steps as are necessary for the realization of the strategic plan in accordance with the vision and mission of the University;

(k) subject to the Financial Regulations of the University and any regulation(s) in force, enter into any agreement or instrument relating to procurement and financial matters of the University;

(l) exercising any other powers or duties as duly required in the exercise of the powers or duties under the Constitution, statutes, rules and regulations; and

(m) to perform any other powers and duties as instructed from time to time by the Vice-Chancellor.

**Delegation of powers and duties**

5. (1) Subject to the Constitution, the Registrar may delegate any powers or duties to any of the officers of the University through a written instrument.

(2) In the absence of the Registrar for any reason, the Vice-Chancellor may delegate to any officers to exercise all or any powers and duties of the Registrar.

**Validity of acts or omissions performed by Registrar before the Statute comes into effect**

6. No acts or omissions by the Registrar antecedent the coming into force of this Statute shall have an effect to invalidate the same.

Made ................................ 2017

[KPT(PUU)...;PN(PU[2])........

***TUANKU ZARA SALIM***

*Chancellor*

Universiti Pendidikan Sultan Idris

(tarikh)
(date)
P.U. (A)

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENTGAZETTE*

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

STATUT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
(BURSAR) 2017

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
(BURSAR) STATUTE 2017

DISIARKAN
OLEH/*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S*
*CHAMBERS*

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**

**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**STATUT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**
**(BURSAR) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris [P.U.(A) 452/2010], Canselor membuat Statut berikut:

**Namadan permulaan kuat kuasa**

1. Statut ini bolehlah dinamakan **Statut Universiti Pendidikan Sultan Idris (Bursar) 2017.**

2. Statut inihendaklah disifatkan mula berkuat kuasa pada ......................................

**Pelantikan**

3. (1) Seorang Bursar hendaklah berkhidmat sebagai pegawai sepenuh masa Universiti dan mempunyai kuasa dan kewajipan sebagaimana yang ditetapkan oleh statut ini.

(2) Jawatan Bursar boleh dikenali dengan apa-apa nama lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Bursar hendaklah dilantik oleh Lembaga mengikut nasihat Jawatankuasa Pemilih.

(4) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan, syarat pelantikan Bursar hendaklah ditentukan oleh Lembaga.

(5) Seseorang yang dilantik sebagai Bursar hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan,

memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan apabila tempoh itu habis, Bursar itu adalah layak untuk dilantik semula.

(6) Pelantikan Bursar boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Lembaga dengan menyatakan sebab bagi pembatalan itu.

**Kuasa dan kewajipan Bursar**

4. (1) Tertakluk kepada Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan, Bursar hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan berikut:

*(a)* menjadi ketua pegawai kewangan yang hendaklah menguruskan hal ehwal kewangan Universiti;

*(b)* membantu Naib Canselor dalam perencanaan pelan strategik dengan mengambil langkah-langkah pengurusan kewangan yang perlu untuk merealisasikan pelan strategik selaras dengan visi dan misi Universiti;

*(c)* terlibat dalam merancang, melaksana dan memantau aktiviti-aktiviti penjanaan pendapatan Universiti;

*(d)* terlibat dalam merancang, melaksana dan memantau aktiviti pengurusan sumber penjanaan pendapatan dalaman Universiti;

*(e)* menyediakan penyata kewangan Universiti;

*(f)* menuntut, menerima dan mengakaun hasil dan terimaan termasuklah semua fi, sewa dan wang lain yang diterima oleh Universiti dan mengeluarkan resit untuk yang sama;

*(g)* menjadi ahli Jawatankuasa Tetap Kewangan Universiti dan jawatankuasa kewangan lain Universiti;

(h) mengurus dan mentadbir perolehan Universiti;

(i) menjadi *custodian* kepada aset Universiti termasuklah mengurus, merekod dan melupus aset itu;

(j) menjadi *custodian* kepada rekod kewangan Universiti;

(k) menyelaras urusan pengauditan penyata kewangan Universiti;

(l) membuat dan mengakaunkan pembayaran kepada mana-mana pihak yang berkenaan;

(m) menjadi ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan mana-mana jawatankuasa lain yang ditetapkan oleh Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan;

(n) menjadi ahli *ex-officio* Lembaga Pengarah Universiti dan Senat;

(o) mengeluarkan arahan pengurusan kewangan dan memberi nasihat berkaitan hal kewangan;

(p) meminta penjelasan berhubung apa-apa perbelanjaan Universiti dan boleh menolak mana-mana perbelanjaan yang melebihi daripada peruntukan yang diluluskan;

(q) melaksanakan apa-apa kuasa atau tanggungjawab lain sebagaimana yang diperlukan di bawah Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan;

(r) tertakluk kepada Peraturan Kewangan Universiti dan apa-apa peraturan yang berkuat kuasa, memasuki apa-apa perjanjian atau surat cara yang berkaitan dengan perolehan dan perkara berkaitan kewangan Universiti; dan

(s) menjalankan tugas-tugas dan fungsi lain yang diarahkan oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa.

**Mewakilkan kuasa dan kewajipan**

5. (1) Tertakluk kepada Perlembagaan, Bursar boleh mewakilkan mana-mana kuasa dan kewajipannya kepada mana-mana pegawai atau pekerja Universiti melalui suatu suratcara bertulis.

(2) Semasa ketiadaan Bursar atas apa-apa sebab, Naib Canselor boleh melantik mana-mana pegawai kewangan Universiti untuk menjalankan mana-mana atau kesemua kuasa atau kewajipan Bursar.

**Kesahan perbuatan atau peninggalan Bursar yang menjalankan kewajipan berkenaan sebelum kuat kuasa Statut**

6. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Bursar yang menjalankan kewajipan yang berkenaan sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 2017

[KPT(PUU)S.......; PN(PU$^2$).......]

***TUANKU ZARA SALIM***

*Canselor*

Universiti Pendidikan Sultan Idris

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

THE CONSTITUTION OF THE
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

# UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS STATUTE (BURSAR) STATUTE 2017

IN exercise of the powers conferred by section 35(1) of the Constitution of the Universiti Pendidikan Sultan Idris [P.U.(A) 452/2010]], the Chancellor makes the following Statute:

**Citation and commencement**

1. This Statute may be cited as the **Universiti Pendidikan Sultan Idris (Bursar) Statute 2017.**

2. This Statute shall be deemed to come into operation on ........................

**Appointment**

3. (1) There shall be a Bursar who shall be a full time officer of the University and shall have such powers and duties as may be prescribed by this statute.

(2) The post of the Bursar may be known by such other names as may be determined by the Board.

(3) The Bursar shall be appointed by the Board on the advice of the Selection Committees.

(4) Subject to the provisions of the Constitution, the conditions of appointment of the Bursar shall be determined by the Board.

(5) A person appointed as the Bursar shall, unless he resigns or vacates his office or his appointment is revoked, hold office for a period of not more than three years and upon expiry of such period, the Bursar shall be eligible for reappointment.

(6) The appointment of the Bursar may, at any time, be revoked by the Board stating the reason for such revocation.

**Powers and duties of Bursar**

4. (1) Subject to the Constitution, Statutes, Rules and Regulations, the powers and duties of the Bursar are—

*(a)* to be the chief financial officer who shall manage the financial affairs of the University;

*(b)* assist the Vice-Chancellor in planning strategic plan and taking such steps as are necessary for the realization of the strategic plan in accordance with the vision and mission of the University;

*(c)* to involve in planning, implementing and supervising University's income generating activities;

*(d)* to involve in planning, implementing and supervising the internal income generating activities of the University;

*(e)* to prepare the financial statement of the University;

*(f)* to demand, receive and to account revenue and receivable including all fees, rental and other monies received by the University and to issue receipt for the same;

*(g)* to be a member of the Standing Finance Committee and any other financial committees of the University;

*(h)* to manage and administer the University's procurement;

*(i)* to be the custodian of the assets of the University including managing, recording and disposing of the said assets;

*(j)* to be the custodian of the financial records of the University;

*(k)* to coordinate the auditing of the financial statement of the University;

*(l)* to make and to account payments to any parties concerned;

*(m)* to be a member of the Management Committee of the University ad any other committees as prescribed by the Constitution, Statute, Rules and Regulations;

*(n)* to be an *ex-officio* members of the Board of Directors and the Senate;

*(o)* to issue directives on financial management and to advice the matters pertaining to finance;

*(p)* to request for explanation pertaining to any expenditure of the university and may refuse any expenses exceeding the approved allocations;

*(q)* exercising any power or other responsibilities as required in the exercise of an authority or the responsibility under the Constitution, Statutes, Rules and Regulations;

*(r)* subject to the Financial Regulations of the University and any regulation(s) in force, enter into any agreement or instrument relating to procurement and financial matters of the University; and

*(s)* to carry out other tasks and functions as directed by the Vice-Chancellor from time to time.

**Delegation of powers and duties**

5. (1) Subject to the Constitution, the Bursar may delegate any power or duty to any of the officers of the University through a written instrument.

(2) In the absence of the Bursar for any reason, the Vice Chancellor may delegate to any officer to exercise all or any powers or responsibilities of the Bursar.

**Validity of acts or omissions performed by Bursar before the Statute comes into effect**

6. No acts or omissions by the Bursar antecedent the coming into force of this Statute shall have an effect to invalidate the same.

Made.................................. 2017

[KPT(PUU)...;PN(PU²)........

*TUANKU ZARA SALIM*

*Chancellor*

Universiti Pendidikan Sultan Idris

(tarikh)
(date)
P.U. (A)

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENTGAZETTE*

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

STATUT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
(PENASIHAT UNDANG-UNDANG) 2017

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
(LEGAL ADVISER) STATUTE 2017

DISIARKAN
OLEH/*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S*
*CHAMBERS*

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**

**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**STATUT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**
**(PENASIHAT UNDANG-UNDANG) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris [P.U.(A) 452/2010], Canselor membuat Statut berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. Statut ini bolehlah dinamakan **Statut Universiti Pendidikan Sultan Idris (Penasihat Undang) 2017.**

2. Statut ini hendaklah disifatkan mula berkuat kuasa pada ....................................

**Pelantikan**

3. (1) Seorang Penasihat Undang-Undang hendaklah berkhidmat sebagai pegawai sepenuh masa Universiti dan mempunyai kuasa dan kewajipan sebagaimana yang ditetapkan oleh statut ini.

(2) Jawatan Penasihat Undang-Undang boleh dikenali dengan apa-apa nama lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Penasihat Undang-Undang hendaklah dilantik oleh Lembaga mengikut nasihat Jawatankuasa Pemilih.

(4) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan, syarat pelantikan Penasihat Undang-Undang hendaklah ditentukan oleh Lembaga.

(5) Seseorang yang dilantik sebagai Penasihat Undang-Undang hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan apabila tempoh itu habis, Bursar itu adalah layak untuk dilantik semula.

(6) Pelantikan Penasihat Undang-Undang boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Lembaga dengan menyatakan sebab bagi pembatalan itu.

**Kuasa dan kewajipan Penasihat Undang-Undang**

4. (1) Tertakluk kepada Perlembagaan, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan, Penasihat Undang-Undang hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan berikut:

*(a)* menjadi ketua pejabat Penasihat Undang-Undang;

*(b)* menjadi ahli *ex-officio* Lembaga dan Senat;

*(c)* bertanggungjawab dalam hal-hal yang berkaitan perundangan Universiti termasuklah–

i. menasihati Universiti dalam semua hal ehwal perundangan;

ii. menggubal, menyemak dan melulus dokumen perundangan;

iii. menyedia, menyemak dan melulus surat cara perundangan;

iv. menguruskan hal-hal berkaitan transaksi perundangan; dan

v. menguruskan hal-hal berkaitan litigasi;

(d) menjadi ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti dan mana-mana jawatankuasa lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan, Statut, Kaedah atau Peraturan;

(e) menyempurnakan apa-apa surat cara atau dokumen yang berkaitan perundangan Universiti dengan keizinan Lembaga;

(f) memberi nasihat berkaitan urusan tatatertib pekerja dan pelajar Universiti;

(g) melaksanakan apa-apa kuasa dan kewajipan lain dan mengambil apa-apa tindakan sebagaimana yang diperlukan dalam menjalankan kuasa dan kewajipan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, Statut, Kaedah atau Peraturan; dan

(h) menjalankan tugas-tugas dan fungsi lain yang diarahkan oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa.

**Mewakilkan kuasa dan kewajipan**

5. (1) Tertakluk kepada Perlembagaan, Penasihat Undang-Undang boleh mewakilkan mana-mana kuasa dan kewajipannya kepada mana-mana pegawai Universiti yang berkelayakan melalui suatu surat cara bertulis.

(2) Semasa ketiadaan Penasihat Undang-Undang atas apa-apa sebab, Naib Canselor boleh mewakilkan kepada mana-mana pegawai Universiti yang berkelayakan untuk menjalankan mana-mana atau kesemua kuasa dan kewajipan Penasihat Undang-Undang.

**Kesahan perbuatan atau peninggalan Penasihat Undang-Undang yang menjalankan kewajipan berkenaan sebelum kuat kuasa Statut**

6. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Penasihat Undang-Undang yang menjalankan kewajipan yang berkenaan sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 2017

[KPT(PUU)S.......; PN(PU$^2$).......]

***TUANKU ZARA SALIM***

*Canselor*

Universiti Pendidikan Sultan Idris

**UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971**

**THE CONSTITUTION OF THE**
**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS STATUTE**
**(LEGAL ADVISER) STATUTE 2017**

IN exercise of the powers conferred by section 35(1) of the Constitution of the Universiti Pendidikan Sultan Idris [P.U.(A) 452/2010]], the Chancellor makes the following Statute:

**Citationand commencement**

1. This Statute may be cited as the **Universiti Pendidikan Sultan Idris (Legal Adviser) Statute 2017.**

2. This Statute shall be deemed to come into operation on ..........................

**Appointment**

3. (1) There shall be a Legal Adviser who shall be a full time officer of the University and shall have such powers and duties as may be prescribed by this statute.

(2) The post of the Legal Adviser may be known by such other names as may be determined by the Board.

(3) The Legal Adviser shall be appointed by the Board on the advice of the Selection Committees.

(4) Subject to the provisions of the Constitution, the conditions of appointment of the Legal Adviser shall be determined by the Board.

(5) A person appointed as the Legal Adviser shall, unless he resigns or vacates his office or his appointment is revoked, hold office for a period of not more than three years and upon expiry of such period, the Legal Adviser shall be eligible for reappointment.

(6) The appointment of the Legal Adviser may, at any time, be revoked by the Board stating the reason for such revocation.

**Powers and duties of Legal Adviser**

4. (1) Subject to the Constitution, statutes, rules and regulations, the legal adviser shall have the following powers and duties:

*(a)* to be the Chief of Legal Office;

*(b)* tobe ex-officio members of the Board and the Senate;

*(c)* is responsible for matters relating to University legislation including –

i. advise the University in all legal Affairs;

ii. draft, review and approve legal documents;

iii. prepare, review and approve legal instruments;

iv. managing matters related to legal transactions; and

v. managing matters related to litigation;

*(d)* to be a member of the Management Committee of the University and any other committees as may be prescribed by the Constitution, Statute, Rules and Regulations;

(e) to execute any instrument or document relating legislation of the University with the consent of the Board;

(f) to give relevant advice regarding disciplinary matters of the employees and students of the University;

(g) exercising any other powers and duties and to take such action as may be required in the exercise of the powers and duties prescribed by the Constitution, Statute, Rules or Regulation; and

(h) to carry out other duties and functions as directed by the Vice Chancellor from time to time.

**Delegate the powers and duties**

5. (1) Subject to the Constitution, legal adviser may delegate any powers and duties to any of the officers of the University who qualified through an instrument of writing.

(2) In the absence of a legal adviser, for any reason, the Vice Chancellor may delegate to any officer of the University which qualified to exercise any or all of the powers and duties of the legal adviser.

**Validity of acts or omissions performed by Legal Adviser before the Statute comes into effect**

6. No acts or omissions by the Legal Adviser antecedent the coming into force of this Statute shall have an effect to invalidate the same.

Made.................................. 2017

[KPT(PUU)...;PN(PU$^2$)........

***TUANKU ZARA SALIM***

*Chancellor*

Universiti Pendidikan Sultan Idris

(tarikh)
(date)
P.U. (A)

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENTGAZETTE*

AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

STATUT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
(KETUA PUSTAKAWAN) 2017

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
(CHIEF LIBRARIAN) STATUTE 2017

DISIARKAN
OLEH/*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S*
*CHAMBERS*

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

## PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

## STATUT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (KETUA PUSTAKAWAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris [P.U.(A) 452/2010], Canselor membuat Statut berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. Statut ini bolehlah dinamakan **Statut Universiti Pendidikan Sultan Idris (Ketua Pustakawan) 2017.**

2. Statut ini hendaklah disifatkan mula berkuat kuasa pada ......................................

**Pelantikan**

3. (1) Seorang Ketua Pustakawan hendaklah berkhidmat sebagai pegawai sepenuh masa Universiti dan mempunyai kuasa dan kewajipan sebagaimana yang ditetapkan oleh statut ini.

(2) Jawatan Ketua Pustakawan boleh dikenali dengan apa-apa nama lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Ketua Pustakawan hendaklah dilantik oleh Lembaga mengikut nasihat Jawatankuasa Pemilih.

(4) Tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan, syarat pelantikan Ketua Pustakawan hendaklah ditentukan oleh Lembaga.

(5) Seseorang yang dilantik sebagai Ketua Pustakawan hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga.

(6) Pelantikan Ketua Pustakawan boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Lembaga dengan menyatakan sebab bagi pembatalan itu.

**Kuasa dan kewajipan Ketua Pustakawan**

4. Tertakluk kepada Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan, Ketua Pustakawan hendaklah mempunyai kuasa dan kewajipan berikut:

*(a)* menjadi ketua Perpustakaan Universiti;

*(b)* menasihati dan membantu Naib Canselor dalam pelaksanaan perancangan strategik berkaitan dengan perpustakaan;

*(c)* menjadi ahli *ex-officio* Senat;

*(d)* menjadi ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti;

*(e)* bertanggungjawab terhadap pengurusan dan pentadbiran perpustakaan Universiti dan mana-mana perpustakaan cawangan yang ditubuhkan;

*(f)* merancang, membangun dan menyenggara bangunan, ruang, kemudahan, persekitaran dan infrastruktur teknologi yang sesuai untuk menjalankan operasi dan perkhidmatan perpustakaan;

*(g)* merancang, melaksana dan menguruskan perkhidmatan perpustakaan, perkhidmatan maklumat bibliometrik dan lain-lain perkhidmatan maklumat;

(h) memperoleh dan menyenggara koleksi sumber maklumat perpustakaan, sama ada bahan bercetak atau bukan bercetak dan termasuklah bahan digital;

(i) membangun, menyenggara dan memulihara repositori institusi dan arkib Universiti;

(j) menjadi Setiausaha Jawatankuasa Perpustakaan;

(k) menjadi pengerusi atau setiausaha mana-mana jawatankuasa lain berkaitan dengan perkhidmatan maklumat;

(l) menjadi ahli mana-mana jawatankuasa yang berkaitan dengan penerbitan atau penyelidikan Universiti;

(m) tertakluk kepada Peraturan Kewangan Universiti dan apa-apa peraturan yang berkuatkuasa, memasuki apa-apa perjanjian atau surat cara yang berkaitan dengan pengurusan dan pengoperasian perpustakaan;

(n) melaksanakan apa-apa kuasa atau tanggungjawab lain sebagaimana yang diperlukan di bawah Perlembagaan, Statut, Kaedah dan Peraturan; dan

(o) menjalankan tugas-tugas dan fungsi lain yang diarahkan Naib Canselor dari semasa ke semasa.

**Mewakilkan kuasa dan kewajipan**

5. (1) Tertakluk kepada Perlembagaan,Ketua Pustakawan boleh mewakilkan mana-mana kuasa dan kewajipannya kepada mana-mana pustakawan Universiti melalui suatu suratcara bertulis.

(2) Semasa ketiadaan Ketua Pustakawan atas apa-apa alasan, Naib Canselor boleh melantik mana-mana pustakawan Universiti untuk menjalankan mana-mana atau kesemua kuasa atau kewajipan Ketua Pustakawan.

**Kesahan perbuatan atau peninggalan Ketua Pustakawan yang menjalankan kewajipan berkenaan sebelum kuat kuasa Statut**

6. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Ketua Pustakawan yang menjalankan kewajipan yang berkenaan sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 2017

[KPT(PUU)S.......; PN(PU$^2$).......]

***TUANKU ZARA SALIM***

*Canselor*

Universiti Pendidikan Sultan Idris

UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

THE CONSTITUTION OF THE
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

# UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS STATUTE (CHIEF LIBRARIAN) STATUTE 2017

IN exercise of the powers conferred by section 35(1) of the Constitution of the UniversitiPendidikan Sultan Idris [P.U.(A) 452/2010], the Chancellor makes the following Statute:

**Citationand commencement**

1. This Statute may be cited as the **Universiti Pendidikan Sultan Idris (Chief Librarian) Statute 2017.**

2. This Statute shall be deemed to come into operation on ..........................

**Appointment**

3. (1) There shall be a Chief Librarian who shall be a full time officer of the University and shall have such powers and duties as may be prescribed by this statute.

(2) The post of the Chief Librarian may be known by such other names as may be determined by the Board.

(3) The Chief Librarian shall be appointed by the Board on the advice of the Selection Committees.

(4) Subject to the provisions of the Constitution, the conditions of appointment of the Chief Librarian shall be determined by the Board.

(5) A person appointed as the Chief Librarian shall hold office for a period as determined by the Board.

(6) The appointment of the Chief Librarian may, at any time, be revoked by the Board stating the reason for such revocation.

**Powers and duties of the Chief Librarian**

4. Subject to the Constitution, Statute, Rules and Regulations, the Chief Librarian shall have the powers and duties as follows—

*(a)* to be the head of the University's Library Office;

*(b)* to assist the Vice-Chancellor in planning strategic plan relating to the library;

*(c)* to be an *ex-officio* of Senate;

*(d)* to be a member of the Management Committee of the University;

*(e)* be responsible towards the management and administration of University's library and other branch library as may be set up;

*(f)* plan, develop and maintain the building, space, facilities, surrounding and suitabletechnological infrastructure to run the operation and services of the library;

*(g)* plan, implement and manage the library services, bibliometric information services and other information services;

*(h)* to get and maintain the collection of library information sources, either printed or non printed material and includes digital material;

(i) develop, maintain and preserve the repository of the institusion and archives of the University;

(j) to be a Secretary of the Library Committee;

(k) to be a chairman or secretary of any other committee relating toinformation services;

(l) to be a member of any committee relating to the publication or research of the University;

(m) subject to the Financial Regulations of the University and any regulation(s) in force, enter into any agreement or instrument relating to management and operation of the library;

(n) exercising any power or other responsibilities as required in the exercise of an authority or the responsibility under the Constitution, Statutes, Rules and Regulations; and

(o) to carry out other tasks and functions as directed by the Vice-Chancellor from time to time.

**Delegation of powers and duties**

5. (1) Subject to the Constitution, the Chief Librarian may delegate any power or responsibility to any of the officers of the University through a written instrument.

(2) In the absence of the Chief Librarian for any reason, the Vice Chancellor may delegate to any officer to exercise all or any powers or responsibilities of the Chief Librarian.

**Validity of acts or omissions performed by Chief Librarian before the Statute comes into effect**

6. No acts or omissions by theChief Librarian antecedent the coming into force of this Statute shall have an effect to invalidate the same.

Made.................................. 2017

[KPT(PUU)...;PN(PU$^2$)........

*TUANKU ZARA SALIM*

*Chancellor*

Universiti Pendidikan Sultan Idris

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

# *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

(tarikh)
(date)
P.U. (A)

## AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971

## PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

## STATUT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (SENAT) 2017

## UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971

## CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

## UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (SENATE) STATUTE 2017

DISIARKAN
OLEH/*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**

**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**STATUT UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (SENAT) 2017**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 35(1) Perlembagaan Universiti Pendidikan Sultan Idris [P.U.(A) 452/2010], Canselor membuat Statut berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. Statut ini bolehlah dinamakan **Statut Universiti Pendidikan Sultan Idris (Senat) 2017.**

2. Statut ini hendaklah disifatkan mula berkuat kuasa pada .....................................

**Keahlian**

3. (1) Senat hendaklah terdiri daripada—

*(a)* Naib Canselor yang hendaklah menjadi Pengerusi;

*(b)* semua Timbalan Naib Canselor;

*(c)* semua Dekan Fakulti dan semua ketua Kampus Cawangan, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut Universiti;

(*d*) tidak lebih daripada dua puluh orang profesor sepenuh masa yang dipilih bagi tempoh tiga tahun oleh semua profesor dan profesor madya sepenuh masa Universiti; dan

(*e*) tidak lebih daripada lima orang daripada Universiti yang hendaklah diko-opt oleh Naib Canselor selama tiga tahun.

(2) Tertakluk kepada subseksyen 3(1)*(d)*, tatacara pemilihan dan jumlah keahlian hendaklah ditentukan oleh Senat.

(3) Pendaftar atau wakilnya hendaklah menjadi Setiausaha Senat.

(4) Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah menjadi ahli *ex-officio* tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Senat.

**Tempoh keahlian ahli dipilih dan ahli diko-opt**

4. (1) Tempoh keahlian seseorang ahli dipilih dan ahli diko-opt hendaklah selama tiga tahun.

(2) Ahli yang dipilih untuk mengisi kekosongan keahlian ahli dipilih yang terhenti menjadi ahli menurut subseksyen 12 hendaklah memegang jawatan selama baki tempoh ahli yang terdahulu itu dipilih.

(3) Ahli yang diko-opt untuk mengisi kekosongan keahlian ahli diko-opt yang terhenti menjadi ahli menurut subseksyen 12 hendaklah memegang jawatan selama baki tempoh ahli yang terdahulu itu diko-opt.

**Fungsi dan kuasa Senat**

5. (1) Senat adalah menjadi badan akademik bagi Universiti dan, tertakluk kepada Perlembagaan ini, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan, berhak mengawal dan memberikan arahan secara am mengenai pengajaran, penyelidikan dan peperiksaan, dan pengurniaan ijazah, diploma, sijil, dan kepujian akademik yang lain.

(2) Senat hendaklah mempunyai fungsi dan kuasa sepertimana yang diperuntukkan di dalamPerlembagaan~~fungsi dan kuasa Senat~~ seperti berikut—

*(a)* untuk membentuk dasar dan kaedah pengajaran dan pembelajaran, peperiksaan, penyelidikan, biasiswa dan latihan yang dijalankan di dalam, oleh atau dari Universiti;

*(b)* untuk memastikan standard pendidikan dalam kursus pengajian yang diadakan di dalam, oleh atau dari Universiti;

*(c)* untuk menentukan kebolehlaksanaan atau selainnya apa-apa cadangan berkenaan dengan apa-apa kurikulum atau kursus pengajian yang dijalankan atau hendak dijalankan di dalam, oleh atau dari Universiti;

*(d)* untuk menentukan kelayakan yang dikehendaki bagi diterima masuk ke dalam mana-mana kursus pengajian yang diadakan di dalam, oleh atau dari Universiti;

*(e)* untuk mengawal selia penjalanan penilaian dan peperiksaan, mengesahkan keputusan peperiksaan dan menentukan rayuan;

*(f)* untuk menggubal dasar bagi melindungi kebebasan akademik dan kecemerlangan profesional;

*(g)* menyediakan kursus pengajaran, mengadakan peperiksaan, membuat peruntukan untuk penyelidikan, dan mengambil apa-apa langkah lain yang didapati perlu atau mustahak untuk memajukan dan menyebarkan pengetahuan;

*(h)* menerima masuk pelajar dari dalam atau luar Malaysia untuk apa-apa kursus pengajian yang diluluskan oleh Universiti;

*(i)* memberikan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain termasuk ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik luar yang lain kepada pelajar yang telah mengikuti mana-mana kursus pengajian yang telah diluluskan dan telah memenuhi apa-apa kehendak lain sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah;

*(j)* mengiktiraf ijazah dan diploma institusi pengajian tinggi yang lain, bagi maksud memasuki kursus pengajian dan peperiksaan Universiti dan juga mengurniakan ijazah yang lebih tinggi kepada pemegang ijazah atau diploma itu atau kepada siswazah Universiti mengikut syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah;

*(k)* memberikan ijazah kepada guru yang telah memenuhi apa-apa kehendak sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah;

*(l)* memberikan sijil kepada orang yang telah mencapai kecekapan dalam mana-mana bidang ilmu

*(m)* mengadakan dan mengurniakan felowship, biasiswa, bantuan, dermasiswa, pingat, hadiah dan gelaran, kepujian, kurniaan lain dan jenis bantuan lain ke arah kemajuan dan penyebaran pengetahuan;

*(n)* menjalankan penyelidikan dan mengkomersilkan hasil dan dapatan penyelidikan;

*(o)* untuk menubuhkan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut, dan jabatan, unit atau badan di bawah Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut itu;

*(p)* dengan keizinan Lembaga, untuk memberikan ijazah kehormat kepada orang yang telah menyumbang terhadap kemajuan atau penyebaran pengetahuan, atau yang telah memberi khidmat awam yang cemerlang;

*(q)* menimbangkan dan memberikan keizinan bertulis kepada Canselor untuk sesuatu cadangan bagi sesuatu statut baru, atau bagi apa-apa pindaan atau pembatalan kepada sesuatu statut, berkenaan dengan mana-mana perkara yang berikut, iaitu:

(i) kuasa dan kewajipan Dekan sesuatu Fakulti atau ketua Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut;

(ii) keanggotaan, kuasa, kewajipan dan tatacara Senat, Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi, Institut atau Jawatankuasa Pengajian;

(iii) penetapan ijazah, diploma, dan kepujian akademik lain yang hendak diberikan oleh Universiti;

(iv) pengurusan perpustakaan; dan

(v) segala perkara lain dalam bidang kuasa Senat di bawah Perlembagaan.

*(r)* mencadangkan kepada Lembaga untuk membuat, meminda atau membatalkan mana-mana kaedah berkenaan dengan mana-mana perkara yang berikut:

(i) prinsip berkenaan dengan pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain;

(ii) bilangan dan ruang lingkup peperiksaan;

(iii) pelantikan, kuasa, kewajipan, saraan dan syarat perkhidmatan bagi pemeriksa dan cara menjalankan peperiksaan;

(iv) penerimaan masuk pelajar dalam peperiksaan, kursus ijazah dan diploma Universiti dan ke tempat tinggal di Universiti;

(v) pengurusan dewan kuliah, perpustakaan, sumber maklumat, makmal, pusat penyelidikan, bangunan tempat tinggal, dan segala kegiatan cawangan Universiti sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang tidak diperuntukkan dengan khusus dalam Perlembagaan atau melalui statut; dan

(vi) apa-apa perkara dalam bidang kuasa Senat.

*(s)* menimbangkan draf yg dirujukkan kembali oleh Lembaga berkenaan perkara di dalam subseksyen 5(2)(*r*) dengan apa-apa pendapat atau cadangan untuk pindaan.

*(t)* membuat peraturan bagi tatacaranya sendiri;

*(u)* membuat peraturan bagi tatacara sesuatu Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademik, Institut atau Jawatankuasa Pengajian, atau mana-mana jawatankuasa atau badan lain yang tertakluk kepada bidang kuasanya;

(v) membuat peraturan bagi menetapkan kursus-kursus pengajian dan sukatan pelajaran bagi peperiksaan;

(w) memilih pemeriksa dalam dan luar Universiti;

(x) mengeluarkan arahan kepada pemeriksa dan jawatankuasa pemeriksa;

(y) meluluskan dan memperakukan keputusan peperiksaan Universiti dan pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik yang lain mengikut statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan;

(z) memberikan arahan-arahan mengenai pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan dan pengkomersialan inovasi;

(aa) memberikan arahan am mengenai kemudahan pengajaran dan penyelidikan lain di Universiti;

(bb) untuk melakukan segala perkara yang suai manfaat atau perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Perlembagaan.

**Mesyuarat Senat**

6. (1) Senat hendaklah mengadakan mesyuarat pada tarikh, masa dan tempat seperti yang ditetapkan oleh Pengerusi dan mesyuarat hendaklah dipanggil oleh Setiausaha.

(2) Agenda mesyuarat Senat hendaklah ditentukan oleh Pengerusi.

(3) Senat hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali pada setiap bulan.

(4) Kuorum Senat adalah dua pertiga daripada jumlah ahlinya, tidak termasuk ahli *ex-officio*.

(5) Senat boleh mengundang mana-mana orang, termasuk mana-mana pelajar, untuk menghadiri mesyuarat atau pertimbangtelitian Senat bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkan tetapi orang atau pelajar itu tidaklah berhak mengundi pada mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

(6) Dalam masa ketidakhadiran Pengerusi, seorang Timbalan Naib Canselor hendaklah mempengerusikan mesyuarat Senat.

(7) Senat boleh menentukan tatacara mesyuaratnya sendiri.

**Setiausaha Senat**

7. Pengerusi hendaklah melantik seorang Setiausaha daripada kalangan pegawai Universiti.

**Notis mesyuarat**

8. Notis bagi sesuatu mesyuarat Senat hendaklah disampaikan secara bertulis atau secara elektronik oleh Setiausaha kepada ahli-ahli Senat sekurang-kurangnya tiga hari sebelum mesyuarat diadakan.

**Agenda mesyuarat**

9. Agenda bagi sesuatu mesyuarat serta kertas-kertas yang berkaitan hendaklah disampaikan kepada ahli-ahli Senat selewat-lewatnya satu hari sebelum tarikh yang ditetapkan bagi mesyuarat itu.

**Minit Mesyuarat**

10. (1) Senat hendaklah menyebabkan minit segala mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan oleh Setiausaha Senat, dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Minit mesyuarat hendaklah diedarkan kepada ahli Jawatankuasa dalam masa tiga hari selepas mesyuarat itu diadakan.

(3) Cadangan bagi pembetulan sesuatu minit hendaklah dibuat dalam mesyuarat yang berikutnya.

(4) Minit bagi sesuatu mesyuarat hendaklah disahkan dalam mesyuarat yang berikutnya.

(5) Minit mesyuarat yang disahkan hendaklah disifatkan sebagai rekod yang lengkap mengenai ketetapan yang dibuat oleh Senat dan tindakan-tindakan susulan mematuhi ketetapan-ketetapan tersebut hendaklah diambil oleh pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan.

(6) Minit yang dibuat mengenai mesyuarat Senat hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(7) Tiap-tiap mesyuarat Senat berkenaan dengan prosiding yang mengenainya minit telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua ahli pada mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

**Hilang kelayakan**

11. Ahli Senat yang berikut hilang kelayakan untuk dilantik sebagai atau untuk menjadi ahli Senat:

*(a)* jika telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—

(i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;

(ii) kesalahan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan rasuah;

(iii) kesalahan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971; atau

(iv) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang melebihi dua tahun;

*(b)* jika dia menjadi bankrap; atau

*(c)* jika dia didapati atau ditetapkan tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menguruskan hal ehwalnya.

**Terhenti menjadi ahli**

12. Seseorang ahli hendaklah terhenti menjadi ahli—

*(a)* jika dia tidak menghadiri mesyuarat Senat tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi; atau

*(b)* jika pelantikannya dibatalkan atau dia meletakkan jawatan; atau

(c) jika dia hilang kelayakan di bawah seksyen 11.

**Peletakan jawatan**

13. Seseorang ahli boleh meletakkan jawatan dengan memberikan suatu notis satu bulan secara bertulis kepada Pengerusi.

**Pengisian Kekosongan**

14. Jika mana-mana orang terhenti menjadi ahli jawatankuasa oleh sebab peruntukan Perlembagaan, seorang lain boleh dilantik untuk mengisi kekosongan itu bagi tempoh selebihnya yang baginya ahli itu dilantik.

**Pendedahan kepentingan**

15. (1) Seseorang ahli Senat yang, secara langsung atau secara tidak langsung, mempunyai sendiri atau melalui pekongsinya—

(a) sesuatu kepentingan dalam syarikat atau pengusahaan yang dengannya Senat itu bercadang hendak membuat sesuatu kontrak; atau

(b) sesuatu kepentingan dalam kontrak atau perkara yang sedang dibincangkan oleh Senat;

hendaklah mendedahkan hakikat dan jenis kepentingannya itu kepada Senat.

(2) Sesuatu pendedahan di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit Senat dan, melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, ahli itu tidak boleh mengambil bahagian dalam pertimbangtelitian atau keputusan Senat yang berhubungan dengan kontrak atau perkara itu.

**Keesahan perbuatan dan prosiding**

16. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Statut ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

*(a)* ada kekosongan dalam keahlian, atau ada kecacatan dalam penubuhan, Senat;

*(b)* ada pelanggaran seksyen 15 oleh seseorang ahli Senat; atau

*(c)* ada peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit perkara itu.

**Kuasa mewakilkan**

17. (1) Senat boleh mewakilkan kepada ahli-ahlinya atau suatu jawatankuasa yang terdiri daripada ahli-ahlinya atau suatu jawatankuasa, atau mana-mana pegawai, mana-mana fungsi dan kuasanya.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Senat boleh, sekiranya ia berpendapat perlu, menyemak mana-mana keputusan yang dibuat oleh pihak yang kepadanya ia telah mewakilkan fungsi atau kuasanya dan boleh mengesahkan, membatalkan, mengubah atau meminta pihak itu menimbangkan semula keputusan itu.

**Keesahan perbuatan atau peninggalan Senat yang menjalankan fungsi dan kuasa berkenaan sebelum kuat kuasa Statut**

18. Tiada apa-apa perbuatan atau peninggalan oleh Senat yang menjalankan fungsi dan kuasa yang berkenaan sebelum kuat kuasanya Statut ini boleh menjadi tidak sah atas sebab Statut ini belum berkuat kuasa.

Dibuat 2017

[KPT(PUU)S.......; PN(PU$^2$).......]

*TUANKU ZARA SALIM*

*Canselor*

Universiti Pendidikan Sultan Idris

**UNIVERSITIES AND UNIVERSITY COLLEGES ACT 1971**

**THE CONSTITUTION OF THE UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS STATUTE (SENATE) STATUTE 2017**

IN exercise of the powers conferred by section 35(1) of the Constitution of the Universiti Pendidikan Sultan Idris [P.U.(A) 452/2010], the Chancellor makes the following Statute:

**Citation and commencement**

1. This Statute may be cited as the **Universiti Pendidikan Sultan Idris (Senate) Statute 2017.**

2. This Statute shall be deemed to come into operation on ..........................

**Membership**

3. (1) The Senate shall consist of—

(a) the Vice-Chancellor, who shall be Chairman;

(b) all Deputy Vice-Chancellors;

(c) all Deans of the Faculties and all heads of the Branch Campuses, Schools, Centres, Academies and Institutes of the Universities;

(d) not more than twenty full-time professors to be elected for a term of three years by all full-time professors and associate professors of the University; and

(e) not more than five persons from the University to be co-opted by the Vice-Chancellor for a term of three years.

(2) Subject to paragraph 3(1)*(d)*, the selection procedure and number of membership shall be determined by Senate.

(3) The Registrar or his representative shall be the Secretary of the Senate.

(4) The Registrar, Bursar, Chief Librarian and Legal Advisor shall be *ex-officio* members but shall not be entitled to vote at the meetings of the Senate.

**Term of membership of the elected member and co-opted member**

4. (1) The term of membership of the elected member and the co-opted member shall be three years.

(2) A member elected to fill a vacancy of the elected member who ceases to be a member in accordance with subsection 12 shall serve for the remainder of the term for which the earlier member was appointed.

(3) A member co-opted to fill a vacancy of the co-opted member who ceases to be a member in accordance with subsection 12 shall serve for the remainder of the term for which the earlier member was co-opted.

**Functions and powers of Senate**

5. (1) The Senate shall be the academic body of the University and, subject to the provisions of the Constitution, the Statutes, Rules and Regulations, shall have the control and general direction of instruction, research and examination, and the award of degrees, diplomas, certificates and other academic distinctions.

(2) The Senate shall have the functions and powers as provided under in the Constitution as follows:

(a) formulate policies and methods of teaching and learning, examination, research, scholarship and training conducted in, by or from the University;

(b) ensure educational standards in the courses of study provided in, by or from the University;

(c) determine the feasibility or otherwise of any proposal in respect of any curriculum or course of study conducted or to be conducted in, by or from the University;

(d) determine the qualifications required for admission into any course of study provided in, by or from the University;

(e) regulate the conduct of assessments and examinations, confirm examination's results and determine appeals;

(f) draft policies for the protection of academic freedom and professional excellence;

(g) to provide courses of instruction, to hold examinations, to make provision for research, and to take such other steps as may appear necessary or desirable for the advancement and dissemination of knowledge;

(h) to admit students from within or outside Malaysia for any course of study approved by the University;

(i) to confer degrees, diplomas, certificates and other academic distinctions including external degrees, diplomas, certificates and other academic distinctions upon students who have followed any of the approved courses of study and have satisfied other requirements as may be prescribed by rules;

(j) recognize the degrees and diplomas of other institutions of higher learning, for the purpose of admission to the courses of study and examinations of the University and award higher degrees on holder of such degrees or diplomas or on graduates of the University on such conditions as may be prescribed by Rules;

(k) confer degrees upon teachers of the University who have satisfied such requirements as may be prescribed by Rules;

(l) grant certificates to person who have attained proficiency in any branch of knowledge;

(m) institute and award fellowships, scholarships, exhibitions, bursaries, medals, prizes and other titles, distinctions, awards and other forms of assistance towards the advancement and dissemination of knowledge;

(n) to conduct research and to commercialize the research outcome and findings;

(o) establish Faculties, Schools, Centres, Academies and Institutes, unit or body under that Faculties, Schools, Centres, Academies and Institutes;

